

PENGESAHAN TARAF ANAK MENGIKUT AMALAN DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA DAN HUBUNGANNYA DENGAN PANDANGAN MAZHAB FIKAH MUKTABAR.

Lukman Abdul Mutalib¹, Wan Abdul Fattah Wan Ismail¹, Syukran Baharuddin¹, Hasnizam Hashim¹, Zulfaqar Mamat¹, Norma Yusof²

Abstrak

Pengesahan taraf adalah satu anugerah yang sangat berharga kepada seseorang anak dan kedua-dua ibu bapa. Justeru, Islam menganjurkan setiap anak yang lahir dilakukan ibadah akikah sebagai tanda syukur di samping menghebahkan nikmat Allah SWT ini kepada masyarakat. Antara hikmat dari ibadah ini ialah agar anak itu membesar dengan emosi yang mantap dan keyakinan diri yang utuh. Namun pada akhir-akhir ini, isu pengesahan taraf anak hangat diperdebatkan bukan sahaja dalam kalangan orang awam bahkan ulama sendiri. Kemuncak kepada isu ini ialah perbicaraan isu ‘bin Abdullah’ di mahkamah sivil yang bermula dari tahun 2016 sehingga tahun 2020. Kertas ini ingin melihat amalan di mahkamah syariah berkaitan pengesahan taraf anak, di samping keselariannya dengan fatwa-fatwa negeri di Malaysia dan pandangan mazhab muktabar dalam hukum fikah Islam. Metodologi yang digunakan bersifat kualitatif dengan menggunakan pendekatan *library research*. Data diperolehi berdasarkan kepada pembacaan terhadap sumber-sumber primer dan sekunder di samping melakukan penelitian terhadap keputusan-keputusan kes mahkamah syariah. Ia dianalisis secara deskripsi menggunakan kaedah induktif, deduktif dan perbandingan. Hasil kajian mendapati amalan di mahkamah bersifat terbuka kepada pandangan pelbagai mazhab. Ia terpulang kepada hakim untuk menjustifikasikan penghakimannya sesuai dengan kemaslahatan yang difikirkan tanpa perlu terikat dengan mana-mana mazhab muktabar.

Kata kunci: Pengesahan taraf anak; isu bin Abdullah; anak zina.

PENDAHULUAN

Penasaban merupakan satu perkara yang sangat penting dalam kehidupan seorang anak. Ia tergolong dalam kategori lima kepentingan asas (*dharuriyyat al-khams*) yang sangat dijaga oleh Islam. Imam al-

¹ Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia, USIM

² Kementerian Pelajaran Malaysia, KPM

Ghazali (2015) menyebut lima kepentingan asas tersebut ialah menjaga agama, nyawa, akal fikiran, keturunan dan harta. Kelima-lima perkara ini adalah tunggak keamanan, kebahagiaan dan keharmonian hidup manusia. Hilang salah satu dari lima perkara asas ini masyarakat akan pincang dan rosak. Dalam konteks penasaban anak ia termasuk dalam kategori menjaga maruah dan keturunan. Imam al-Ghazali menamakan kelima-lima perkara ini sebagai matlamat umum syariat Islam (*maqasid syariah 'ammah*).

Kepentingan penjagaan keturunan ini dapat dilihat dengan jelas apabila Islam sama sekali tidak membenarkan campur tangan akal dan kehendak manusia dalam menentukan nasab seseorang. Ini disebabkan kemampuan akal yang bersifat terhad, di samping sering di pengaruhi oleh hawa nafsu dan kepentingan peribadi. Justeru, hukum penasaban adalah bersifat *tawqifi* iaitu hanya bergantung kepada dalil-dalil nas syarak sama ada daripada al-Quran ataupun hadis nabi SAW.

Sebagai contoh, Allah SWT membatalkan sistem “*tabanniyy*” iaitu mem“bin/binti”kan anak angkat sebagai anak sendiri. Sistem ini telah diamalkan secara sah di zaman Jahiliah sehinggalah Rasulullah SAW juga telah membinkan Zaid bin Harithah kepada baginda SAW. Perbuatan ini telah ditegur oleh Allah SWT dengan turunnya ayat ke 4 dari surat al-Ahzab (Zuhayli: 2007):

وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَاءَكُمْ أَبْنَاءَكُمْ ذَلِكُمْ قَوْلُكُمْ بِأَفْوَاهِكُمْ وَاللَّهُ يَقُولُ الْحَقَّ وَهُوَ يَهْدِي السَّبِيلَ

Maksudnya, “Allah SWT tidak menjadikan anak-anak yang kamu dakwa sebagai anak kandung itu (anak angkat) sebagai anak-anak kamu sendiri. Segala yang kamu dakwakan mengenai mereka hanyalah perkataan kamu dengan mulut kamu sahaja. Ingatlah Allah SWT menerangkan yang benar dan dialah juga yang memimpin ke jalan yang betul”

(Al-Ahzab: 4).

Dalam masa yang sama, Islam turut melarang seseorang menafikan nasab keturunannya sendiri, sama ada siayah tidak mengaku anak atau sianak tidak mengaku ayah. Ini kerana nasab adalah anugerah Allah SWT. larangan ini jelas sebagaimana dalam sabda Rasulullah SAW:

وَأَمَّا رَجُلٌ جَحَدَ وَلَدَهُ وَهُوَ يَنْظُرُ إِلَيْهِ اِحْتَجَبَ اسْمُهُ مِنْهُ وَفَضَحَهُ بِهِ عَلَى رُءُوسِ الْخَلَائِقِ بَيْنَ الْأَوَّلِينَ
وَالْآخِرِينَ (هذا حديث صحيح على شرط مسلم ولم يخرجاه)

Maksudnya, “*Mana-mana lelaki yang menafikan nasab keturunan anaknya sedangkan dia melihat dengan jelas sabitan nasab anak tersebut, Allah SWT tidak akan melihatnya bahkan akan berhijab daripadanya pada hari kiamat. Dan Allah SWT akan malukan dia di hadapan seluruh makhluk sejak mula mereka diciptakan sehinggalah yang terakhir*”

(Naysabury:1990)

Menafikan nasab memberi implikasi yang besar. Bukan hanya soal maruah tetapi ia juga melibatkan pelbagai bentuk hak-hak lain seperti nafkah, pewarisan, perwalian dan lain-lain. Selain itu, perbuatan itu juga merupakan satu tuduhan zina secara *ta'ridh* terhadap ibu anak tersebut yang merupakan salah satu dosa besar.

Sebagaimana menafikan nasab, Islam juga melarang seseorang mendakwa atau menasabkan dirinya kepada orang lain selain bapanya yang sebenar. Sabda Rasulullah SAW:

من ادعى إلى غير أبيه وهو يعلم أنه غير أبيه فالجنة عليه حرام

Maksudnya, “*Sesiapa yang mendakwa atau menasabkan dirinya kepada seseorang yang bukan bapanya sedangkan dia mengetahui perkara tersebut maka syurga adalah haram ke atasnya*”

(Muhammad: 2002).

Jelaslah bahawa Allah SWT telah memperincikan dengan lengkap hukum hakam berkaitan nasab sebagaimana Allah SWT menjelaskan hukum hakam perkahwinan. Kedua-duanya adalah kait mengait secara langsung. Keadaan ini memberi dua induktor penting. Pertama, penasaban adalah isu yang sangat penting, ia adalah tunjang kepada kehormatan manusia, asas pembinaan sahsiah diri dan menjadi subjek hukum syarak yang sangat utama. Kedua, asas sabitan penasaban adalah bergantung kepada dalil syarak, ia tidak boleh direka-reka mengikut kehendak hati mahupun logik akal.

PENDAFTARAN ANAK DI MAHKAMAH

Pendaftaran anak disebut dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia. Bagi Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003 ia disebut melalui seksyen 3 dan seksyen 111-120. Dalam seksyen 3 dinyatakan tafsiran anak tak sah taraf, iaitu anak yang dilahirkan di luar nikah dan bukan dari anak dari persetubuhan syubhah. Justeru, menurut peruntukan ini anak tak sah taraf ialah anak yang lahir di luar perkahwinan yang sah atau persetubuhan syubhah. Implikasi dari terminologi ini, anak tak taraf tidak boleh dibinkan kepada ‘bapanya’ sekalipun dari sudut klinikal anak itu datang dari benih lelaki tersebut.

Dalam konteks ini bapa terbahagi kepada dua kategori, iaitu bapa syar’ie dan bapa biologi. Bapa syar’ie ialah bapa kepada anak hasil percantuman benih lelaki dan perempuan yang diikat oleh perkahwinan atau sesuatu kaedah yang diluluskan oleh syarak. Manakala bapa biologi pula ialah bapa kepada anak hasil percantuman benih lelaki dan perempuan secara tabii sehingga melahirkan anak tanpa diikat oleh perkahwinan atau sesuatu kaedah yang diluluskan oleh syarak. Perbincangan artikel ini ialah menjurus kepada bapa syar’ie atau apa yang disebut oleh seksyen 111 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003.

Menurut seksyen 111 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003 mengenai siapakah yang dikaitkan sebagai bapa menyebut:

Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih daripada enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun qamariah selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh, dengan cara li'an atau kutukan, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan Mahkamah.

Berdasarkan seksyen ini, asas sabitan anak terbahagi kepada dua keadaan. Pertama jika perkahwinan wujud antara dua pasangan suami dan isteri, maka sabitan anak boleh diperaku jika anak itu lahir dalam tempoh lebih 6 bulan usia perkahwinan tersebut. Kedua, jika perkahwinan telah terubur sama ada oleh sebab perceraian hidup atau mati, sabitan anak juga boleh diperaku kepada bekas suami jika kelahiran itu berlaku selepas empat tahun setelah perceraian dengan syarat ibu tersebut tidak pernah berkahwin lain. Walaupun begitu, bagi menjaga hak suami mereka boleh menafikan nasab anak tersebut dengan cara li'an di mahkamah.

Justeru dalam menjelaskan keadaan ini penulis akan membahagikan contoh-contoh kes kepada tiga kategori iaitu pertama, pengesahan taraf anak melalui kes-kes kelahiran melebihi enam bulan. Kedua, pengesahan taraf anak melalui kes-kes kelahiran kurang dari 4 tahun selepas perceraian dan ketiga kes-kes penafian anak oleh bapa.

1. Pengesahan taraf anak melalui kes kelahiran melebihi 6 bulan.

Dalam kes kes Wan Khairi bin Wan Azmi lwn Farah Nurliliana binti Jauhari [2011] 1 CLJ (Sya) 344, plaintif memohon agar anak yang dilahirkan oleh isterinya Farah Nurliliana binti Jauhari pada 7 Disember 2010 jam 9.20 pagi dinasabkan kepadanya. Mahkamah setelah meneliti kes ini dengan cermat serta tiada bantahan dari pihak isteri memutuskan bahawa anak itu hendaklah dinasabkan kepada Wan Khairi bin Wan Azmi. Ini kerana, mengikut perkiraan Hakim, anak tersebut dilahirkan dalam tempoh enam bulan empat hari selepas tarikh perkahwinan ibu bapanya. Walaupun diragui status kesahatarafan anak tersebut, namun Hakim dapati bahawa responden telah melahirkan bayi tersebut dalam tempoh melebihi enam bulan dua saat daripada tarikh akad nikah dengan pemohon.

Dalam menguatkan hujahnya, hakim mendatangkan dalil dari kitab Bughyat al-Mustarshidin, oleh al-Sayyid Abdul Rahman bin Muhammad bin Hussain bin Umar, dikenali dengan nama Ba'lawy, Mufti Negara Hadramaut, terbitan Darul Fikr, tanpa tarikh, pada ms. 242 ada disebutkan ([2011] 1 CLJ (Sya) 344):

نكح حاملا من الز فأتت بولد لزمن إيمكانه ن ولدت لسته أشهر ولحظتين من عقده وإمكان وطئه لحقه

Bermaksud, Seorang perempuan hamil dari perbuatan zina, kemudian dia melangsungkan akad nikah perkahwinan dengan seseorang lelaki. Dalam tempoh perkahwinan berkenaan, suaminya itu berkeupayaan tinggal bersamanya sebagai suami isteri, lalu dalam tempoh enam bulan dua saat (lahzoh) dari tarikh akad nikah perkahwinan mereka, perempuan berkenaan melahirkan anak, dalam hal suaminya itu berkeupayaan melakukan persetubuhan dengannya, maka anak berkenaan itu hendaklah dinasabkan kepada lelaki yang menjadi suaminya itu

Dalam konteks ini mahkamah lebih cenderung mengguna pakai prinsip *al-walad lil- firasy* untuk sabitan nasab secara langsung kecuali jika si ayah menafikan anak itu dari keturunannya.

walaupun begitu, penafian tersebut mestilah berlaku segera kerana kelewatan menyebabkan timbulnya tohmah. Dalam kes ini, walaupun wujud elemen yang boleh mempertikaikan kesahihan nasab anak, namun ia dipinggirkan semata-mata wujudnya dalil langsung iaitu kelahiran melebihi 6 bulan qamariah.

Manakala dalam kes rayuan Haji Ghazali lwn Asmah (JH Jil. 1 bhg. II, ms81), perayu memohon membatalkan keputusan mahkamah bicara yang membenarkan tuntutan nafkah anak oleh responden. Perayu mendakwa anak itu bukan dari benihnya dan memohon untuk melakukan li'an. Permohonan perayu di tolak oleh mahkamah kerana anak itu lahir lebih dari 6 bulan 2 lahzah. Keterangan perayu bahawa ia sangsi dengan kesahan nasab anak tersebut telah ditolak kerana sabitan nasab anaknya berasaskan kaedah yang yakin iaitu lebih 6 bulan dua lahzah sedangkan perayu tidak boleh membuktikan bahawa responden telah berzina sebelum berkahwin. Rayuan perayu untuk melakukan li'an juga di tolak kerana pendakwaan li'an hanya dibuat setelah tuntutan nafkah oleh reponden dikemukakan di mahkamah. Ini menimbulkan keraguan bahawa perayu ingin melarikan diri dari tanggungjawab menanggung nafkah.

Dalam kes Wan Azmi lwn Nik Salwani (JH 9/2.192), pemohon telah diakad nikahkan dengan responden pada 29/6/87 dan kemudian bercerai pada 21/12/87. Responden menuntut nafkah anak dan nafkah mengandung dari pemohon. Anak itu dilahirkan pada 18/3/88 iaitu 8 bulan setelah perkahwinan. Pemohon menafikan anak itu anak kandungnya, namun mahkamah telah menolak penafian nasab oleh pemohon kerana dia lewat membuat penafian dan hanya melakukannya apabila tuntutan nafkah dikemukakan terhadapnya.

Dalam kes Raisha binti Annuar, plaintif memohon supaya beliau dinasabkan kepada ayahnya Annuar bin Hj. Zakaria. Beliau telah menghantar borang permohonan nikah di Pejabat Agama PD dan

Pejabat Agama mendapati bahawa beliau telah dilahirkan kurang enam bulan qamariah dari tarikh pernikahan Annuar bin Hj. Zakaria dan Zaharah binti Yunus.

Setelah meneliti bukti-bukti, mahkamah memutuskan bahawa status pemohon ialah anak tidak sah taraf dan pernikahan beliau hendaklah berwalikan wali hakim. Asas utama yang digunakan oleh hakim ialah isu kelahiran kurang dari 6 bulan 2 lahzah.

Jelasnya, menelusuri kes-kes di atas kita dapat melihat mahkamah seolah-olah telah menjadikan elemen kelahiran melebihi 6 bulan 2 lahzah adalah sebagai bukti keterangan yang mencapai tahap yakin. Mana-mana dakwaan lain yang ingin menyanggah bukti keterangan ini perlulah mencapai digri keyakinan yang sama atau lebih. Seperkara lagi, li'an atau penafian nasab oleh pihak lelaki bukanlah semata-mata satu ikrar bagi pihaknya tetapi ia adalah dakwaan terhadap pihak lawannya. Justeru, li'an tidak boleh diterima dengan sewenang-wenangnya.

2. pengesahan taraf anak melalui kes-kes kelahiran kurang dari 4 tahun selepas perceraian.

Dalam kes Fatimah binti Abdullah dan seorang lagi lwn Mat zin bin Kasim (JH 14/2.225), plaintif (Fatimah binti Abdullah) telah berkahwin dengan defendan pada 1 Nov. 1976. Namun mereka telah bercerai pada 11 Dis 1976. Tempoh perkahwinan mereka hanyalah 41 hari. Plaintif pertama tidak berkahwin lain sehinggalah pada tahun 1981. Pada 26 Nov 1977 plaintif pertama telah melahirkan anak bernama Zainal Abidin bin Mat Zin. Walaupun begitu defendan menafikan nasab anak itu kepadanya. Fakta isunya ialah adakah plaintif kedua (Zainal Abidin bin Mat Zin) merupakan anak kepada defendan atau sebaliknya.

Setelah meneliti keterangan yang diberikan oleh pihak-pihak yang terlibat hakim berpuas hati dan memutuskan bahawa plaintif ke dua (Zainal abidin bin Mat zin) adalah anak sah taraf kepada

responden. Ini kerana dia telah dilahirkan 350 hari selepas perceraian antara plaintif pertama dan defendan. Permohonan li'an oleh defendan ditolak kerana ia dilakukan lewat. Menurut kitab Mughni al-Muhtaj oleh al-Syarbiny jiid 3 mukasurat 380 menyebut "hendaklah dilakukan segera sebaik sahaja anak itu dilahirkan atau diberitahu kepadanya, dengan sisuami itu pergi Kehadapan hakim dan menyebut bahawa kanak-kanak itu bukan daripadanya.

Dalam isu kelahiran melebihi empat tahun kita boleh melihat menerusi kes tuntutan nafkah Ismail bin Ishak lwn Kalam binti Mamat (JH, 1995, 10/1), perceraian yang telah berlaku pada 28 September 1985. Lebih empat tahun kemudian pada 23 September 1989 seorang bayi telah dilahirkan. Pemohon menafikan beliau merupakan bapa kepada anak itu, tetapi responden mendakwa bahawa rujuk telah berlaku selepas perceraian. Dalam kes ini mahkamah memutuskan pemohon tidak perlu menanggung nafkah anak tersebut kerana ia tidak boleh dinasabkan kepada pemohon atas alasan rujuk tidak dapat dibuktikan dan anak itu lahir lebih dari empat tahun qamariah.

3. Kes penafian nasab anak oleh bapa

Sepanjang pengamatan pengkaji tidak ada satu pun kes li'an atau penafian nasab yang disabitkan oleh mahkamah syariah. Kebanyakan kes penafian nasab yang dikemukakan di mahkamah adalah cacat dan ditolak. Mengikut hukum syarak terdapat dua syarat bagi membolehkan seorang suami menafikan nasab seseorang anak kepadanya.

- i. Ia meyakini bahawa anak yang dilahirkan oleh isterinya atau bekas isterinya bukan dari benihnya sendiri. ia boleh diketahui dengan cara (Syarbini: t.t, Jil.3/373):
 - a. Suami itu tidak pernah menyetubuhi isterinya sama sekali atau
 - b. Telah berlaku persetubuhan, tetapi isterinya melahirkan anak kurang dari 6 bulan dari tarikh persetubuhan atau

- c. Anak yang dipertikaikan itu lahir lebih dari 4 tahun dari tarikh persetubuhan.
- ii. Penafian tersebut hendaklah dibuat dengan sesegera mungkin, tidak boleh bertanggung kecuali pada kadar yang munasabah (Syarbini: t.t, Jil.3/380). Jika suami mendapat pemberitahuan tentang kelahiran anak pada waktu malam maka hendaklah ia membuat penafian pada esok harinya, atau ketika ia sedang makan maka penafian dibuat selepas makan. Itulah gambaran segera yang disyaratkan dalam penafian anak ini.

Kebanyakan kes penafian nasab adalah berpunca dari tuntutan nafkah anak oleh pihak responden seperti kes Fatimah binti Abdullah dan seorang lagi lwn Mat zin bin Kasim (JH 14/2.225), Wan Azmi lwn Nik Salwani (JH 9/2.192), Haji Ghazali lwn Asmah (JH Jil. 1 bhg. II, ms81) dan lain-lain. Kes ini cacat terutamanya dari sudut tempoh penafian yang datang lewat.

Berdasarkan kepada beberapa kes yang dikemukakan di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa seksyen 2 dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri Selangor 2003 membincangkan soal definisi anak tak sah taraf manakala seksyen 111-120 adalah syarat-syarat sah penasaban. Antara definisi dan syarat tidak boleh bertentangan. Mereka mestilah saling lengkap melengkapi. Jika pun dilihat ada pertentangan haruslah dilihat dari aspek teknikal sahaja bukan dari segi hakikatnya.

PANDANGAN ULAMA BERKAITAN ANAK TAK SAH TARAF

Islam sangat mengambil berat soal penasaban kerana ia bukan sahaja menyentuh isu maruah anak atau ibubapa kanak-kanak itu semata-mata, tetapi juga melibatkan banyak persoalan fikah yang lain seperti perwalian, pewarisan, aurat dan hubungan seharian dalam keluarga tersebut. Justeru setiap pandangan hendaklah berasaskan kepada dalil yang kukuh.

Terdapat 3 kaedah penasaban yang di akui oleh syarak dan disimpulkan oleh para ulama seperti berikut, iaitu:

1. Perkahwinan (Mustafa al-Khid, Dib bughah & Ali Syarbajy: 2000; Ibrahim Dhawiyyan: 2007) :
iaitu melalui sabda Rasulullah S.A.W. *الولد للفراش وللعاهر الحجر* yang bermaksud: anak itu dinasabkan kepada lelaki yang mempunyai *al-firasy* (perkahwinan) manakala lelaki yang berzina di tegah dari penasaban (al-Bukhary:1422H). Perkahwinan, adalah merupakan asas sabitan nasab. Dengan sabitnya perkahwinan maka sabitlah nasab. Secara ringkasnya dakwaan perkahwinan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a. Suami mampu menghamilkan isteri.
 - b. Isteri boleh/munasabah untuk hamil dan melahirkan anak.
 - c. Munasabah berlaku persetubuhan pada adat antara pasangan tersebut (menurut jumhur ulama kecuali hanafi yang mensyaratkan memadai hanya wujudnya perkahwinan semata-mata).
 - d. Tempoh kelahiran hendaklah sekurang-kurangnya 6 bulan 2 lahzah dari umur perkahwinan atau tidak lebih dari 4 tahun (Ibrahim Dhawiyyan: 2007).
 - e. Suami tidak menafikan anak itu dengan cara li'an.
2. Perhambaan (al-Nawawy: t.t): Apabila seseorang (tuan hamba) melakukan persetubuhan dengan hambanya sehingga melahirkan anak maka anak itu akan sabit nasab kepada tuannya, tidak dengan ibunya. Malah anak itu akan menjadi tuan kepada ibunya dan si ibu itu pula digelar sebagai 'ummu al-walad' yang mempunyai kedudukan tertentu dalam hukum fikah.
3. Istilhaq : perkataan istilhaq berasal dari *لحق، يلحق، لحوقا* yang bermaksud bergabung. Pada istilah, ia adalah perbuatan seseorang yang mengaku dan menggabungkan keturunan seseorang yang tidak dikenali asal usulnya kepada keturunannya (Qamus besar Arab-Melayu Dewan: 2015).

Pada zaman Jahiliah kaedah istilhaq diamalkan dalam konteks kabilah, iaitu menggabungkan seseorang dari satu kabilah ke dalam sesuatu kabilah yang lain (Lukman: 2004). Apabila datang Islam, prinsip ini masih diamalkan dengan modifikasi tertentu sesuai dengan tuntutan syarak. Pada masa Islam kaedah ini banyak digunakan dalam kes berkaitan *'ummu al-walad'* iaitu penasaban anak yang dikandung oleh hamba sahaya yang dimiliki oleh beberapa orang lelaki atau ditiduri oleh beberapa orang lelaki. Dalam proses istilhaq, pengakuan ini perlu memenuhi beberapa syarat, iaitu (al-Husayni:t.t):

1. Hendak ayah yang mengaku itu seorang yang berakal.
2. Hendaklah anak yang ingin digabungkan itu tidak diketahui asal usul keturunannya.
3. Hendaklah dakwaan si ayah itu munasabah menurut logik dan menurut adat.
4. Hendaklah dipersetujui oleh anak tersebut (jika dia telah dewasa dan diberi hak khiyar apabila dewasa jika dia masih kanak-kanak).
5. Hendak pengakuan si ayah ini tidak disaingi oleh mana-mana orang lain. Jika ada orang lain yang turut sama mengaku itu anaknya maka kaedah istilhaq tidak boleh digunakan.

Kaedah penasaban dari kategori kedua dan ketiga boleh dikatakan tidak wujud lagi pada zaman ini. Ini kerana kaedah kedua berkaitan sistem perhambaan yang telah lama luput manakala kaedah ketiga berkaitan sistem kabilah dan *'ummu al-walad'* yang juga telah tiada. Oleh itu, perbincangan artikel ini hanya akan tertumpu kepada penasaban melalui perkahwinan semata-mata.

Asas pandangan ulama dalam menentukan sekurang-kurang tempoh kelahiran ialah 6 bulan adalah bersandarkan kepada pandangan sayidina Ali r.a. Satu kejadian di zaman khalifah Umar r.a., seorang suami datang mengadu kepada Umar ibn Al-Khattab r.a., bahawa isterinya telah melahirkan

anak yang sempurna selepas 6 bulan berkahwin. Umar menuduh wanita itu mempunyai hubungan sebelum kahwin. Ali bin Abi Talib R.A membantah tuduhan itu berdasarkan kepada ayat-ayat al-Quran yang menunjukkan bahawa 6 bulan adalah tempoh kehamilan yang sah.

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُنِيْمَ الرِّضَاعَةَ

Bermaksud: Para ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama genap dua tahun sekiranya mereka ingin menyempurnakan penyusuan

(Surah al-Baqarah 2:233)

وَحَمْلُهُ وَفِصْلُهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا

Bermaksud: Tempoh mengandung dan bercerai susu ialah 30 bulan.

(Surah al-ahqaf: 46:15)

Berdasarkan kepada kedua-dua ayat di atas secara hukum syaraknya Allah SWT menjelaskan tempoh mengandung dan bercerai susu ialah 30 bulan, manakala tempoh maksimum bercerai susu ialah 24 bulan. Maka jadilah tempoh minimum mengandung ialah 6 bulan. Namun perlu di fahami tempoh ini ialah tempoh minimum mengandung. Dengan kata lain, jika seseorang berkahwin dan melahirkan anak yang cukup sifatnya kurang dari enam bulan, maka anak itu bukan hasil perkahwinan tersebut kerana sekurang-kurangnya tempoh kehamilan ialah 6 bulan. Sebaliknya jika dia melahirkan anak dalam tempoh lebih 6 bulan maka itu adalah anaknya dan tidak boleh disangkal kecuali dengan hujah yang yakin.

Namun perlu difahami secara halus bahawa tempoh 6 bulan seperti yang disebutkan ialah tempoh mengandungkan anaknya, bukan semata-mata tempoh pengesahan nasab. Ini kerana ulama berbeza pandangan mengenai kedudukan pengesahan nasab seorang anak zina kepada bapa biologinya kepada pandangan berikut:

1. Pandangan jumhur ulama dari mazhab Maliki, Syafi'ie dan Hanbali: tidak boleh mem“bin/binti”kan anak zina kepada bapa biologi. Anak zina ialah anak hasil hubungan jenis di luar pernikahan yang sah dan bukan dari nikah syubhah. Lantaran itu tidak boleh sama sekali pewarisan dan perwalian antara mereka. Ini adalah pandangan yang digunakan secara meluas di Malaysia.
2. Pandangan imam Abu Hanifah, Ibn Taimiyyah dan Ibn Rahawaih: Tidak boleh mem“bin/binti”kan anak zina kepada bapa biologi kecuali sekiranya pasangan berzina tersebut berkahwin sebelum melahirkan anak. Dalam keadaan ini anak tersebut boleh disabitkan nasab, perwalian dan pewarisan. Pandangan ini berhujah kepada hadis الولد للفراش (anak itu sabit melalui perkahwinan). Bagi Abu Hanifah asas sabitan nasab ialah semata-mata wujudnya perkahwinan. Ia berdasarkan kepada pemahaman umum hadis di atas. Namun bagi jumhur ulama ia melihat dengan lebih terperinci iaitu perkahwinan itu perlulah ada kaitan munasabah dengan anak tersebut seperti usia perkahwinan melebihi 6 bulan 2 lahzah qamariyyah dari tarikh bersetubuh (*dukhul*).
3. Pandangan Abd Karim Zaidan: Pandangan ini berada di tengah-tengah diantara pandangan jumhur ulama dan Abu Hanifah. Secara perundangan (qada'an) beliau bersependapat dengan Abu Hanifah iaitu boleh mem“bin/binti”kan anak zina kepada bapa biologi jika mereka berkahwin sebelum melahirkan anak tersebut, namun secara hukum agamanya (diniyyan) beliau bersama jumhur ulama yang tidak menyabitkan nasab tersebut. Justeru, jika isu itu berlaku maka dari sudut perundangan sabit nasab tetapi dari sudut dosa terpulanglah kepada Allah SWT, jika Dia ingin mengampunnya diampunkan sebaliknya jika ingin diazab maka diazab oleh Allah SWT (Abdul Karim Zaidan: 1994).

4. Pandangan Hasan al-Basry dan Ibn Sirin: Boleh mem“bin/binti”kan anak zina kepada bapa biologi walaupun pasangan berzina itu tidak berkahwin sesama sendiri dan boleh mendapatkan hak perwalian dan pewarisan dengan syarat mereka yang berzina di kenakan hukuman hudud. Mereka berhujah kepada hadis Rasulullah S.A.W. dalam peristiwa Jurajj (Ibn Qayyim al-Jawziyyah: 1994):

...jika anak itu boleh dinasabkan kepada ibunya dan si ibu boleh mewarisi si anak dan si anak boleh mewarisi si ibu sedangkan si ibu berzina dengan lelaki itu. (Dalam masa yang sama) sudah pasti si anak terjadi jadi benih salah seorang dari dua pezina dan kedua-duanya berkongsi anak itu dan bersepakat itu adalah anak mereka berdua, jadi apakah yang menghalang anak itu dinasabkan kepada seorang pezina lelaki (sedangkan sabit nasabnya kepada pezina perempuan) jika tiada orang lain yang mengaku anaknya? Ini adalah qias. Jurajj pernah bertanya kepada seorang bayi yang ibunya berzina dengan seorang pengembala, “siapakah ayah kamu wahai budak? Budak itu menjawab si fulan iaitu pengembala. Ini adalah pertuturan daripada Allah yang tidak mungkin berlaku pendustaan.

Namun begitu, pandangan ini terpakai dalam keadaan perempuan itu hamil tetapi tidak berkahwin dan tidak juga di dalam iddah. Jika berkahwin maka anak itu dinasabkan kepada suaminya tanpa ragu.

Jelasnya, Dalam membahaskan isu ini ternyata wujud perbezaan pendapat yang ketara dalam kalangan ulama. Justeru, dengan wujudnya perbezaan pendapat ini, maka jelaslah bahawa penasaban anak zina kepada bapa biologi adalah permasalahan *khilafiah*.

Berdasarkan kepada prinsip, Mahkamah syariah di Malaysia secara asasnya tidak terikat dengan mana-mana mazhab fikah. Ini bersesuaian dengan seksyen 244 Enakmen Tatacara Mal Negeri Selangor 2003 yang menyebut:

Tiada apa-apa jua dalam Enakmen ini boleh disifatkan sebagai menghadkan atau menyentuh kuasa sedia ada pada Mahkamah untuk membuat apa-apa perintah yang perlu untuk mengelakkan ketidakadilan atau mengelakkan penyalahgunaan proses Mahkamah.

Seksyen ini memberi ruang yang luas kepada hakim untuk berijtihad dan memutuskan apa-apa penghakiman yang menurut pandangan mahkamah adalah adil. Ini bersesuaian dengan prinsip Islam yang memberi kebebasan hakim berijtihad berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Kaedah fikah yang berbunyi الاجتهاد لا ينقض بالاجتهاد memberi dua maksud (Ibrahim Ghalban:2013). Pertama ialah ijtihad seseorang tidak mengikat mujtahid yang lain. Setiap orang berhak meyakini ijtihadnya sendiri. Kedua, jika seorang hakim telah berijtihad dalam satu-satu perkara kemudian selang beberapa ketika ia mengubah pandangannya dalam perkara yang sama, pandangannya yang baharu tidak mengubah penghakimannya yang telah lalu.

Kebebasan hakim ini dapat dilihat dengan jelas dalam kes Wan Khairi bin Wan Azmi lwn Farah Nurliliana binti Jauhari [2011] 1 CLJ (Sya) 344, sekalipun wujud keraguan terhadap permohonan nasab anak terhadap plaintif, hakim tetap menyabtkannya kerana ia telah dilahirkan dalam tempoh sekurang-kurang kehamilan. Hakim telah membawa hujahan dari fatwa imam Ba'lawi Mufti Hadhramaut tentang keharusan menasabkan anak zina kepada bapa biologinya jika usia perkahwinan mereka telah melebihi 6 bulan. Imam al-Ba'lawy adalah seorang yang bermazhab Syafi'ie sekalipun pandangan ini asasnya adalah pandangan mazhab Hanafi, imam Ibn Taymiyyah dan imam Ibn Rahawaih.

Dalam kes Zafrin Zulhilmi bin Pauzi lwn Noor Aini Nasron, plaintif memohon supaya Mahkamah membuat sabitan bahawa bayi perempuan, Nur Damia Aqilla binti Abdullah adalah Anak Sah Taraf mengikut Hukum Syarak bagi pasangan Noor Aini binti Nasron dengan Pemohon. Merujuk kepada sijil kelahiran, bayi perempuan tersebut telah dilahirkan pada 3 September 2010. Pemohon telah diakadnikahkan dengan Noor Aini binti Nasron, Responden pada 16 April 2010. Responden tidak pernah membantah permohonan Pemohon, malah turut menyokong permohonan supaya Nur Damia Aqilla disabitkan sebagai Anak Sah Taraf mengikut Hukum Syarak kepada plaintif. Bayi perempuan tersebut, Nur Damia Aqilla dilahirkan kurang dari enam bulan dari tarikh akad nikah perkahwinan iaitu hanya selama empat bulan dua puluh empat hari.

Setelah meneliti fakta dan keterangan, Mahkamah telah membuat keputusan bahawa bayi bernama Nur Damia Aqilla binti Abdullah hendaklah dinasabkan kepada plaintif, Zafrin Zulhilmi bin Pauzi. Mahkamah berpandangan bahawa Anak Tak Sah Taraf boleh dinasabkan kepada bapa walaupun anak tersebut dilahirkan kurang daripada enam bulan dari tarikh akad nikah. Mahkamah Walaubagaimanapun memutuskan bahawa Pemohon tidak boleh menjadi wali kepada bayi tersebut dan juga tidak boleh saling mempusakai. Pandangan ini adalah berasaskan kepada pandangan Abdul Karim Zaidan seperti yang telah dihuraikan sebelum ini.

Prinsip ini berbeza dalam soal mengeluarkan fatwa. Menurut sek. 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri Selangor 2003 yang menyebut:

- (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie.*

- (2) *Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.*
- (3) *Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijihad tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.*

Justeru, pengkaji melihat pendekatan hakim dalam memutuskan kes-kes berkaitan pengasahan taraf anak berbeza dengan proses pengeluaran fatwa dalam isu yang sama sesuai dengan fungsi masing-masing. Fungsi institusi fatwa ialah menjawab kemusykilan masyarakat berkaitan soal hukum hakam dan lebih bersifat teoretikal. Berbeza dengan fungsi kehakiman yang menyelesaikan perbalahan diantara dua pihak yang bertelagah dan lebih bersifat praktikal. Keputusan hakim perlulah melihat kepada kepelbagaian pandangan ulama dan memilih pandangan yang lebih memelihara kepentingan pihak-pihak yang terlibat secara menyeluruh berasaskan keluasan ruang lingkup hukum fikah untuk menjustifikasikan hukum.

KESIMPULAN

Peranan hakim dalam menyelesaikan isu dan persoalan anak tak sah taraf yang diajukan ke mahkamah perlulah dilihat dengan teliti serta meraikan kepelbagaian pandangan para ulama. Tujuan penghakiman ialah menyelesaikan kemelut pihak-pihak yang terlibat. Dalam kes anak tak sah taraf, kepentingan anak adalah isu utama untuk diraikan sebelum isu-isu lain seperti kepentingan ibu atau bapa atau lain-lainnya. Dalam membuat keputusan, di samping hujah-hujah daripada nas al-Quran, Hadis, pandangan

sahabat dan lain-lain, sumber hukum dari *maslahah*, *sad al-zari'ah* dan *maqasidul hukmi* adalah elemen-elemen yang tidak boleh dikesampingkan. Inilah teras formula yang membezakan antara institusi kefatwan dan institusi kehakiman di Malaysia dalam membina hukum syarak.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Kareem

Abdul Karim Zaydan (1994) *al-Mufasssal Fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim Fi al-Syari'at al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Al-Ba'lawy, Sayyid Abd al-Rahman b. Muhammad b Hussain. (t.t) *Bughiyyat al-Mustarsyidin Fi Talkhis Fatawa Ba'dh al-Aimmah Min al-Ulama' al-Muta'akhhirin..* Beirut: Dar al-Fikr

Al-Bukhary, Muhammad b Ismail Abdullah (1422H) *Sahih al-Bukhary*. Dar al_tuq al-Najah.

al-Ghazāli, M. M. (2015). *al-Mustasfā min 'Ilmi al-Uṣūl* (M. S. al-Ashqar Ed. 1st ed. Vol. 1). Beirut: Mu'asasat al-Risalah Nasyirun.

Al-Husayni, Ahmad Abd. Al-Jayyid (t.t) *Mada Masyru'iyat Ithbat al-Nasab Au Nafyuhu bi al-Basamah al-Wirathiah Fi al-Fiqh al-Islamy*. T.tpt

Al-Nawawy, Abu Zakariyya Mahyuddin b Starf b. Yahya (t.t) *al-Majmu' Syar hal-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Naysabury. Muhammad b Abdullah Abu Abdullah al-Hakim (1990) *Mustadrak Ala al-Sahihayn*. Jil2. Hlm. 220. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah

Current Law Journal, Secure GlobalSign.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003.

Enakmen Tata Cara Mal Negeri Selangor 2003

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1994) *Zad al-Ma'ad Fi Huda Khair al-'Ibad*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Ibrahim Dhawiiyan (2007) *Manar al-Sayl Fi Syarh al-Dalil*. Beirut: Dar al-Nafa'is.

Ibrahim Ghalban, Ayaat (2013) *Qaidah al-Ijtihad la Yanqudh Bi al-Ijtihad Wa Atharuha Fi al-Ahkam al-Syar'iyyah*, (tesis). Palestine: Univ Islam Ghazzah.

Jurnal Hukum, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Jabatan Perdana Menteri.

Lukman A. Mutalib (2004) *Diyat Mengikut Realiti Kehartaan dan Kekeluargaan di Malaysia* (tesis Ph.D). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Muhammad b Futuh al-Humaydi (2002) *al-Jam 'u Bayn al-Sahihayn al-Bukhary wa Muslim*. jil. 1 hlm 101. Beirut: Dar Ibn Hazm

Mustafa al-Khind, Dib Bughah & Ali Syarbajy (2000) *al-Fiqh al-Manhajy*. Beirut: Dar al-Syamiah

Qamus besar Arab-Melayu Dewan (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syarbiny, Syamsuddin Muhammad b. Ahmad al-Khatib (t.t) *Mughny al-Muhtaj Ila Ma'rifat Ma'na al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr

Zuhayli Wahbat (2007) *al-Tafsir al-Munir Fi al-Aqidah Wa al-Syari'ah Wa al-Manhaj*. Damsyiq. Dar al-Fikr